

Mutiara timba pengalaman di Kota Bandung, Jakarta

Lawatan Mutiara itu dimulakan dengan melihat keindahan Kota Bandung dan turut dibawa melawat ke sebuah institusi tertua di sini iaitu Institut Teknologi Bandung (ITB).

■ ROSHLAWATI RAEIH

SA 17/07/08
Pg. T13

KUALA TERENGGANU – Kelab Wanita Universiti Malaysia Terengganu (Mutiara) melangkah setapak ke hadapan dengan menganjurkan lawatan ke Kota Bandung dan Jakarta, Indonesia.

Pengerusinya, Laili Che Rose, berkata lawatan bertujuan memberi ruang dan peluang kepada anggota dalam menimba pengalaman, meluaskan ilmu pengetahuan dan menjalinkan kerjasama dengan salah sebuah universiti di negara tersebut.

"Pada lawatan berkenaan, seramai 27 orang anggota menyertai lawatan sosial ini mengikut pakej daripada Turtleliner Travel Sdn Bhd. Pada



Delegasi Mutiara bergambar kenangan semasa berada di Kota Bandung dan Jakarta, Indonesia.

masa yang sama, delegasi Mutiara turut disertai Penasihat Mutiara iaitu To' Puan Noor Rohani Mohd Noor," katanya.

Menurut Laili, lawatan Mutiara itu dimulakan dengan melihat keindahan Kota Bandung dan

turut dibawa melawat ke sebuah institusi tertua di sini iaitu Institut Teknologi Bandung (ITB), pusat perubatan Bumi Medica Ganesha (BMG) dan ITC Mangga Dua, sebuah pusat fesyen pakaian terkenal di sini dan tempat menarik lain.